

23 JUL 2003

Karnival

KARNIVAL JUALAN DIHARAP BANTU CAPAI SASARAN 15.3 JUTA PELANCONG

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Penganjuran Karnival Mega Sale Malaysia Ogos 2003 diharap dapat membantu mencapai sasaran 15.3 juta pelancong ke negara ini, kata Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Fu Ah Kiow.

Beliau berkata karnival itu menawarkan harga barangan dan perkhidmatan yang berpatutan untuk menarik minat pelancong berbelanja di negara ini.

"Karnival yang berlangsung dari 2 hingga 31 Ogos itu akan menjadikan Malaysia antara destinasi beli-belah antarabangsa yang terunggul menjelang akhir tahun ini," katanya pada sidang media pelancaran Karnival Mega Sale Malaysia Ogos 2003 di sini, hari ini.

Sasaran 15.3 juta pelancong itu ditetapkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003.

Fu berkata pada tahun lepas, jumlah perbelanjaan pelancong asing di negara ini meningkat kepada RM25.2 bilion iaitu peningkatan empat peratus berbanding tahun 2001 yang memperolehi pendapatan sebanyak RM24.2 bilion.

"Daripada jumlah ini, aktiviti membeli belah merupakan perbelanjaan kedua tertinggi yang menjana sebanyak 21.4 peratus atau RM5.2 bilion," katanya.

Fu berkata penganjuran karnival itu juga merupakan antara usaha kementerian memulihkan sektor pelancongan yang terjejas berikutan ancaman wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia bagi bulan Januari hingga Mei tahun ini, katanya menurun sebanyak 27.4 peratus kepada 3.8 juta orang berbanding 5.33 juta orang bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Karnival Mega Sale Malaysia kali ke-11 itu sebelum ini dikenali sebagai Karnival Jualan Mega Malaysia, dan diadakan sebanyak tiga kali setahun iaitu pada bulan Mac, Ogos dan Disember.

Bertemakan 'Fesyen dan Aksesori', karnival itu akan mengetengahkan pelbagai koleksi fesyen kontemporari dan tradisional pereka tempatan serta antarabangsa termasuk Bill Keith, Tom Abang Saufi, Zang Toi dan Datin Sarimah Adzrina.

Majlis pelancaran karnival itu akan dirasmikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin di Esplanade, Taman Kuala Lumpur City Center (KLCC) di sini pada 2 Ogos, jam 8.30 malam.

Antara program yang disediakan pada hari tersebut termasuk Street Carnival, jualan tengah malam, pembukaan bazaar antarabangsa, persembahan hiburan, sudut kanak-kanak serta sudut program pelancongan pelajar.

-- BERNAMA

RW AZZ ZB